

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK TAHUN 2022  
HOSPITAL PENGAJAR UPM**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>GOOGLE FORM</b>
1.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN	U41	<a href="https://forms.gle/YfJsyVfJNKZF5rXy8">https://forms.gle/YfJsyVfJNKZF5rXy8</a>

**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**  
**TERMA LANTIKAN** : **SEPENUH MASA**  
**TARIKH TUTUP IKLAN** : **16 OKTOBER 2022**

**CARA MEMOHON**

Pemohon dikehendaki mengisi *Google Form* (pautan disertakan diatas) bersama borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Professional** (yang berkaitan dengan jawatan) dan sertakan dokumen-dokumen seperti Senarai Semak Temuduga yang dilampirkan.

Perhatian:-

- a. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- b. Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- c. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Sumber Manusia di [job\\_hpupm@upm.edu.my](mailto:job_hpupm@upm.edu.my) atau 03-9769 9074/9019/9023.

**JAWATAN: PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41**

<b>Kumpulan</b>	<b>:</b>	<b>Pengurusan dan Profesional</b>
<b>Gaji Pokok</b>	<b>:</b>	<b>RM2,429.00</b>
<b>Kekosongan</b>	<b>:</b>	<b>Satu (1)</b>

**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (cara kerja) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b) Calon hendaklah memperoleh Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang cara kerja** akan diberi keutamaan.

**DESKRIPSI TUGAS**

1. Merancang dan menjalankan program pemulihan prosedur kompleks mengikut disiplin.
2. Melaksanakan proses perawatan yang berkualiti, terancang, berkesan dan selamat berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pemulihan perubatan terapi cara kerja.
3. Mempraktikan *Evidence Base Practice* (EBP) dalam memberi rawatan kepada pesakit.
4. Memastikan perawatan yang dilaksanakan didokumenkan dalam sistem THIS (*Patient Orientated Medical Record*).
5. Merancang dan melaksanakan penilaian semula rawatan serta memantau kemajuan pesakit.
6. Merancang program dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang diaturkan oleh Jabatan seperti rondaan ke wad bersama ahli pasukan pemulihan perubatan dari berbilang disiplin, mengikuti latihan dalaman atau aktiviti pembelajaran yang dianjurkan jabatan, mengambil bahagian dalam aktiviti penyelidikan, menghadiri mesyuarat, lawatan ke rumah/sekolah/tempat kerja dan sebagainya.
7. Menjalankan aktiviti kembalikan pesakit ke rumah/tempat kerja (home resettlement/work resettlement).
8. Bertanggungjawab dalam pengendalian peralatan dan mesin-mesin rawatan terapi cara kerja. Memastikan semua peralatan dalam keadaan bersih, teratur, berfungsi dengan baik dan selamat digunakan. Bertanggungjawab melaporkan kepada ketua unit sebarang kerosakan peralatan untuk tindakan selanjutnya.

9. Melibatkan diri dalam promosi kesihatan di hospital dan juga luar hospital dan mendidik pesakit mengenai penjagaan kesihatan yang berhubungkait dengan penyakit mereka.
10. Memastikan persekitaran tempat kerja adalah bersih, selamat dan kondusif kepada pesakit dan anggota dalam hospital.
11. Melaksanakan tugas mengikut perintah/arahan yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Unit/Ketua Jabatan/Pengarah Hospital